

JENAYAH

BH  
15/7/15  
ms 34

# Wajar pinda Akta Kanak-Kanak 2001 elak penderaan

Ungkapan tidak ada ibu yang tidak sayangkan anak, barangkali tidak boleh digunakan lagi pada zaman ini.

Kita juga jangan keliru dengan peribahasa lama 'haruan makan anak'. Haruan bukan memakan anaknya, tapi ia 'menelannya' buat sementara untuk melindungi daripada bahaya, yang mana anaknya itu kemudiannya akan dimuntahkan kembali.

Antara ungkapan dan peribahasa berkenaan, bolehlah disimpulkan bahawa manusia kini sudah hilang pertimbangan berbanding haiwan yang lebih bersifat penyayang dan bertanggungjawab mengambil berat akan keselamatan anaknya.

## Perbuatan jenayah kejam

Kejadian seorang bayi dikerat tapan dan dibuang ke dalam tangki tandas di Kedah baru-baru ini, adalah perbuatan jenayah yang amat kejam. Mei lalu di Johor Bahru, kita digemparkan dengan penemuan anggota badan bayi yang dikerat 15 dan dibuang dalam loji kumbahan.

Kes pembunuhan dengan cara mengerat mangsa nampaknya semakin berleluasa dan menjadi kegemaran penjenayah. Sudahlah dibunuh, kemudian dikerat-kerat pula, di manakah letaknya jiwa dan perasaan?

Selain bayi dibunuh dan di-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:  
**bhforum@bharian.com.my**


kerat, penderaan terhadap kanak-kanak juga kerap kali berlaku.

Terbaru, seorang kanak-kanak lelaki, Bryan Yusuf berusia dua tahun lima bulan meninggal dunia dipercayai didera. Kejadian berlaku di Miri, Sarawak.

## Derita tanggung sakit

Sebelum itu, seorang kanak-kanak, Nur Zuliana Zaara, 5, didera sehingga patah 13 tulang di seluruh badan. Bayangkanlah betapa azab dan deritanya kanak-kanak berkenaan menahan kesakitan.

Masyarakat juga tidak lupa kejadian menyayat hati yang menimpa seorang remaja kurang upaya, Muhammad Firdaus Dullah, 15, pada perte-



**Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 wajar dilakukan** bagi mengelak kejadian pembunuhan, penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang kerap berlaku kini. [GAMBAR HIASAN]

ngahan tahun lalu.

Kenapakah ini semua berlaku? Siapa yang harus dipertanggungjawabkan? Mana silapnya?

Apakah Akta Kanak-Kanak 2001 tidak berkesan? Persoalan demi persoalan yang bermain di kotak kepala kita, tidak pernah ada jawapannya.

## Teliti syor pinda akta

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Ka-

rim, ada mengatakan kerajaan akan meneliti syor untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001.

Adalah diharap supaya kerajaan memikirkan kewajaran cadangan berkenaan dalam keadaan kejadian pembunuhan, penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang kerap berlaku.

**Nazri Sham,**  
Chenor, Pahang.